

Sikap Dan Motivasi Pelajar IPT Terhadap Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan

The Attitude and Motivation Levels among Institutes of Higher Education Students Towards Teaching Module of Arabic For Tourism

M. Najib, J. (Corresponding author)

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +6019-3049075 E-mail: najib@usim.edu.my

Kirembwe, Rashid A. H.

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +6012-9033021 E-mail: kirembwe@usim.edu.my

Zainur Rijal, A. R.

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +6019-6641102 E-mail: zainurrijal@usim.edu.my

Lubna, A. R.

Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Bandar Baru Nilai,
71800, Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia
Tel: +6019-2382182 E-mail: lubna@usim.edu.my

Abstrak

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis sikap dan motivasi pelajar IPT di Malaysia terhadap modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan. Sampel kajian terdiri daripada 126 pelajar di tiga IPT iaitu USIM, UiTM dan KUIS yang menawarkan subjek Bahasa Arab Pelancongan. Mereka terdiri daripada 30 pelajar lelaki dan 96 pelajar perempuan. Kajian ini mendapati peratusan tahap sikap dan motivasi terhadap modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan adalah tinggi dengan peratusan sebanyak hampir 90%. Responden juga mempunyai persetujuan yang agak baik terhadap keberkesanan modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan dengan skor min = 3.63 dan sp. = 0.65. Lebih 85% responden bersetuju bahawa modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan dapat diaplikasi dalam bidang kerjaya di sektor pelancongan. Kebolehpercayaan instrumen pengukuran adalah tinggi dengan Cronbach Alfa bagi sikap

dan motivasi terhadap modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan ialah 0.96.

Katakunci: Bahasa Arab Pelancongan; Sikap dan Motivasi; Skor Min; Kebolehpercayaan; Cronbach Alfa

Abstract

The purpose of this study was to know the effectiveness of teaching module of Arabic For Tourism Purposes at several public and private Institutes of Higher Education in Malaysia. This study was carried out involving 126 students from USIM, UiTM and KUIS which offer the Arabic For Tourism subject including 30 male students and 96 female students. The results has shown the percentage of attitude and motivation levels towards Teaching Module of Arabic For Tourism was high about 90%. The result has also shown the effectiveness of this module with mean score = 3.63 dan sd. = 0.65. More

than 85% of the respondents agreed that this module can be applied into career planning in the tourism sector. The reliability of the instrument was high with Cronbach Alfa= 0.96.

Keywords: Arabic For Tourism Purposes, Attitude and Motivation, Mean Score, Reliability, Cronbach Alfa

Pendahuluan

Tragedi pengeboman World Trade Center (WTC) pada 11 September 2001, telah memberi kesan kepada hala tuju pengajaran bahasa Arab di Malaysia. Ekoran peristiwa tersebut, pelancong dari Timur Tengah telah mengalih pandangan dengan menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan perniagaan dan percutian mereka (Noli & Zamri, 2011). Dalam erti kata lain, industri pelancongan telah mencipta pelbagai peluang pekerjaan khususnya kepada penduduk tempatan seperti pekerjaan yang berkaitan dengan perhotelan, penyediaan makanan dan pengangkutan (Kadir, 1997). Perubahan taraf sosio-ekonomi tersebut sedikit sebanyak mempengaruhi corak pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab.

Sejajar dengan perkembangan tersebut, beberapa institusi pengajian tinggi di negara ini telah menawarkan subjek Bahasa Arab Pelancongan bagi memenuhi keperluan pasaran dalam sektor pelancongan. Bahasa Arab Pelancongan merupakan salah satu bidang Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus yang memerlukan laras bahasa dan istilah-istilah yang khusus serta mempunyai modul pengajaran yang tersendiri (Abdul Rahman, 1988). Bertitik tolak daripada ini, penyelidik merasakan perlunya satu kajian terhadap modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan secara khususnya analisis sikap dan motivasi pelajar IPT di Malaysia terhadap modul tersebut bagi memastikan pengajaran subjek ini dapat memenuhi matlamat dan tujuan yang telah digariskan.

Industri pelancongan merupakan salah satu sektor yang tersenarai dalam Rancangan

Malaysia ke-10 sebagai sumber ekonomi selain bidang pendidikan. Selain itu, sektor ini juga menyumbang secara positif kepada perkembangan aktiviti dalam sub sektor terutamanya dalam industri hotel, kembara dan siar, peruncitan dan restoran serta pengangkutan (Zainab, 2008).

Terdapat kebimbangan terhadap beberapa masalah berkaitan dengan sikap dan motivasi terhadap Bahasa Arab Pelancongan. Kajian mengenai penggunaan bahasa Arab di kalangan pemandu pelancong menunjukkan pemandu pelancong kurang menguasai kemahiran berbahasa Arab disebabkan tahap motivasi mereka yang rendah (Zalika, 2009).

Selain itu, perkhidmatan Ambassador di kalangan pelajar USIM belum benar-benar memuaskan disebabkan kekurangan bilangan petugas dan kurangnya pendedahan mereka terhadap istilah-istilah khusus pelancongan. Dari segi penggunaan bahasa Arab dalam penyampaian maklumat dan informasi di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), kemudahan informasi dalam bentuk bahan edaran bercetak seperti pamflet, brosur dan sebagainya amat kurang dan perlu diperbanyakkan untuk dijadikan panduan kepada pelancong Arab. Kekurangan ini menyebabkan tahap motivasi mereka ketika berurusan dengan pelancong Arab menurun (Sulaiman, 2008).

Kajian lain yang melibatkan analisis sikap dan motivasi oleh Golongan Profesional Melayu Muslim (GPMM) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terhadap Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BAUTA) yang juga merupakan cabang kepada Bahasa Arab Untuk Tujuan Khusus. Hasil kajian beliau mendapati bahawa lebih 70% daripada 80 orang responden mempunyai sikap yang kurang memberangsangkan terhadap kepentingan dan keperluan menguasai Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama (BAUTA), dan kurang bermotivasi untuk mempelajarinya (Anzaruddin, 2004).

Apa yang dapat disimpulkan melalui perbincangan ini ialah sektor pelancongan memerlukan tenaga kerja yang terlatih dan mahir menggunakan bahasa Arab bagi memenuhi kehendak industri. Dalam masa yang sama, keperluan tenaga kerja ini tidak dapat dipenuhi sepenuhnya disebabkan oleh masalah yang telah dibincangkan tadi. Oleh yang demikian, kajian mengenai sikap dan motivasi pelajar terhadap modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan sedia ada perlu dilakukan bagi menambahkan pengajaran Bahasa Arab Pelancongan.

Metodologi

Kajian ini dijalankan di fakulti-fakulti bahasa di IPTA dan IPTS yang menawarkan Bahasa Arab Pelancongan dan dan skop kajian hanyalah tertumpu kepada mahasiswa yang mengambil subjek Bahasa Arab Pelancongan di Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi Mara dan Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.

Sebanyak 150 set soal selidik diedarkan, walaubagaimanapun terdapat sebahagian kecil borang kaji selidik yang tidak dipulangkan.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak 126 set borang kaji selidik iaitu 84% berjaya dikembalikan manakala bakinya tidak berjaya dipulangkan. Seterusnya, proses analisis data dilaksanakan selepas membuat proses tapisan. Maklumat yang diterima daripada responden dianalisis menggunakan perisian Pakej SPSS 11.5 iaitu pakej statistik untuk bidang Sains Sosial. Data akan dipersembahkan dalam bentuk frekuensi, peratusan dan min.

Hasil Dan Perbincangan

Dapatan kajian tentang sikap dan motivasi pelajar IPT terhadap Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan adalah seperti berikut:

Demografi Peserta

Kajian ini telah dijalankan di tiga buah universiti tempatan di mana penggunaan Bahasa Arab adalah menjadi kriteria pemilihan IPT berkenaan, di samping penawaran kursus pelancongan kepada pelajar-pelajar menggunakan medium Bahasa Arab. Maklumat umum peserta kajian boleh dilihat di Bahagian A dalam Borang Soal selidik dan ini dihuraikan secara mendalam pada Jadual 1 dan Jadual 2.

Jadual 1 : Maklumat Latar Belakang Peserta

Variabel	Ciri	Bilangan	Peratusan
		(f)	(%)
Institut Pengajian Tinggi			
	USIM	48	38.1
	UiTM	51	40.5
	KUIS	27	21.4
Peringkat Pengajian			
	Sarjana Muda	126	100
	Diploma	0	0
Tahun Pengajian			
	Tahun 1	0	0
	Tahun 2	39	31
	Tahun 3	28	22.2
	Tahun 4	59	46.8

Jantina			
	Lelaki	30	23.8
	Perempuan	96	76.2
Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan			
	Ada Diterbitkan/disediakan oleh pensyarah	67	53.2
	Tidak Diterbitkan/disediakan oleh pensyarah	59	46.8

Jadual 1 menunjukkan hanya tiga buah IPT sahaja yang telah mengambil bahagian dalam kajian ini berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan untuk menepati objektif kajian ini – Penggunaan Modul Bahasa Arab Pelancongan. Hanya tiga buah IPT ini sahaja yang ada menawarkan modul Bahasa Arab Pelancongan kepada pelajar-pelajar di institusi mereka. Kursus ini hanya ditawarkan di peringkat Ijazah Sarjana Muda sahaja dan tidak ada tawaran dibuat pada peringkat Diploma. Kursus ini ditawarkan hanya di Tahun 2, Tahun 3 dan Tahun 4 sahaja dan tidak ada penawaran dibuat pada Tahun 1. Hampir 80% pelajar yang mengikuti program ini adalah daripada kaum perempuan dan selebihnya

daripada kaum lelaki. Kebanyakan IPT yang menawarkan program pelancongan untuk pelajar Bahasa Arab ada menyediakan modul pengajaran dalam Bahasa Arab Pelancongan.

Maklumat lanjut dari aspek penerimaan atau persepsi, sikap dan motivasi pelajar terhadap beberapa aspek dalam penyediaan Modul Bahasa Arab pelancongan dihuraikan secara terperinci dalam Jadual 2. Huraianya dibuat dalam bentuk *mean* dan juga peratusan peserta yang menerima atau menyetujui dalam sesuatu aspek atau aktiviti dalam penyediaan modul Bahasa Arab pelancongan.

Jadual 2: Peratusan, Mean dan Sisihan Piawai Penyetujuan Terhadap Modul Bahasa Arab

Sikap dan Motivasi Terhadap Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan	N	Peratusan Penyetujuan*					Mean	Sisihan Piawai
		ATS	TS	TP	S	SS		
Tajuk-tajuk yang terdapat dalam modul bersesuaian.	126	5.6	4.8	27.0	46.0	16.7	3.63	1.001
Tajuk-tajuk yang terpilih dalam modul mencakupi semua tempat pelancongan terpenting di Malaysia.	126	4.0	21.4	34.1	34.9	5.6	3.17	.961
Setiap tajuk mempunyai hasil pembelajaran tertentu.	126	4.0	3.2	26.2	49.2	17.5	3.73	.924
Hasil pembelajaran yang digariskan selari dengan objektif pengajaran Bahasa Arab Pelancongan.	126	0.8	5.6	32.5	46.8	14.3	3.68	.816
Kemahiran bahasa yang digunakan untuk mengajar modul bersesuaian.	126	3.2	4.0	23.8	53.2	15.9	3.75	.885
Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan perlu memfokuskan kepada kemahiran komunikasi.	126	0	7.1	14.3	46.0	32.5	4.04	.871
Penggunaan Bahasa Arab Pelancongan dalam dunia pekerjaan adalah penting.	126	1.6	3.2	25.4	31.7	38.1	4.02	.955
Pembelajaran Bahasa Arab Pelancongan berkesan melalui komunikasi dalam bahasa Arab Fusha.	126	2.4	4.8	28.6	42.1	22.2	3.77	.931
Mempraktikkan komunikasi Bahasa Arab Pelancongan secara interaktif di dalam kelas adalah penting.	126	2.4	3.2	21.4	38.9	34.1	3.99	.951
Kaedah pengajaran yang digunakan oleh pensyarah Bahasa Arab Pelancongan bersesuaian dan menarik.	126	2.4	11.9	29.4	35.7	20.6	3.60	1.020
Alat Bantu Mengajar (ABM) yang digunakan oleh pensyarah Bahasa Arab Pelancongan menarik.	126	4.0	19.0	31.0	40.0	5.6	3.25	.961
Pensyarah menggunakan internet sebagai salah satu Alat Bantu Mengajar Bahasa Arab Pelancongan.	126	3.2	11.1	32.5	41.3	11.9	3.48	.953
Bahan pembelajaran bagi modul Bahasa Arab Pelancongan mencukupi.	126	4.8	19.0	29.4	42.9	4.0	3.22	.962

Latihan yang terdapat dalam modul Bahasa Arab Pelancongan pelbagai dan menyeluruh.	123	1.6	15.4	32.5	42.3	8.1	3.40	.903
Latihan dalam modul Bahasa Arab Pelancongan dapat mengukur pengetahuan dan kefahaman pelajar.	126	2.4	7.1	25.4	51.6	13.5	3.67	.885
Modul Bahasa Arab Pelancongan yang sedia ada berpotensi untuk dijadikan sebagai panduan pelancong asing yang melawat Malaysia.	126	4.0	11.9	28.6	36.5	19.0	3.55	1.055
Modul Bahasa Arab Pelancongan yang sedia ada berpotensi untuk dijadikan modul kursus intensif.	126	4.8	9.5	26.2	46.0	13.5	3.54	1.001
Analisis Keperluan pelajar dijalankan sebelum pengubalan Modul Bahasa Arab Pelancongan.	126	1.6	7.9	37.3	36.5	16.7	3.59	.915
Kandungan dalam Modul Bahasa Arab Pelancongan mencakupi aspek bahasa, pengetahuan dan sosio-budaya yang sesuai.	126	4.0	6.3	23.0	46.0	20.6	3.73	.991
Modul Bahasa Arab Pelancongan yang sedia ada mempunyai penilaian tertentu daripada pelajar.	126	1.6	7.9	27.8	42.1	20.6	3.72	.935
Saya sentiasa bersikap positif terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Pelancongan.	124	1.6	3.2	13.7	57.3	24.2	3.99	.811
Saya menyenangi pensyarah yang mengajar modul Bahasa Arab Pelancongan dengan dedikasi.	126	0.8	4.8	16.7	46.8	31.0	4.02	.862
Pensyarah yang mengajar Bahasa Arab Pelancongan mempunyai pengetahuan yang mendalam terhadap subjek tersebut.	126	1.6	0.8	22.2	40.5	34.9	4.06	.865
Saya meminati subjek Bahasa Arab Pelancongan.	126	1.6	5.6	23.0	38.9	31.0	3.92	.952
Saya berasa teruja untuk mempelajari modul Bahasa Arab Pelancongan.	126	3.2	4.0	21.4	44.4	27.0	3.88	.960
Saya berasa bersemangat semasa pensyarah menerangkan tajuk-tajuk dalam modul Bahasa Arab Pelancongan.	126	1.6	4.0	28.6	42.9	23.0	3.82	.889
Saya membuat persediaan sebelum kelas Bahasa Arab Pelancongan berlangsung.	126	2.4	15.1	38.1	30.2	14.3	3.39	.988
Saya sentiasa membuat latihan dalam modul Bahasa Arab Pelancongan sebagaimana yang diarahkan oleh pensyarah.	126	1.6	9.5	33.3	36.5	19.0	3.62	.954
Saya membuat tugas yang berkaitan dengan Bahasa Arab Pelancongan sebagaimana yang dikehendaki oleh pensyarah.	125	0.8	4.8	22.4	40.8	31.2	3.97	.897
Saya berpuashati dengan hasil tugas Bahasa Arab Pelancongan.	125	1.6	7.2	35.2	38.4	17.6	3.63	.912
Saya menghantar tugas Bahasa Arab Pelancongan pada waktu yang ditetapkan.	124	2.4	2.4	25.8	45.2	24.2	3.86	.896
Saya membuat pembentangan yang berkaitan dengan Bahasa Arab Pelancongan dengan persediaan yang rapi.	124	3.2	5.6	29.0	41.1	21.0	3.71	.969
Saya berpuashati dengan hasil pembentangan Bahasa Arab Pelancongan.	125	0.8	6.4	32.8	46.4	13.6	3.66	.824
Saya sentiasa mengajukan soalan kepada pensyarah yang mengajar Bahasa Arab Pelancongan sekiranya saya menghadapi masalah dalam pelajaran.	124	2.4	12.1	29.8	46.0	9.7	3.48	.915
Saya sentiasa berbincang dengan pensyarah mengenai silibus dan tugas yang berkaitan dengan modul Bahasa Arab Pelancongan.	125	0.8	20.0	38.4	32.0	8.8	3.28	.912
Saya sentiasa menyertai (musyarakah) dalam kelas Bahasa Arab Pelancongan.	125	4.0	2.4	28.0	48.0	17.6	3.73	.919
Saya bersedia dibimbing oleh pensyarah semasa proses Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab Pelancongan.	125	0.8	4.8	25.6	36.8	32.0	3.94	.918
Saya mendapat kepuasan apabila pensyarah Bahasa Arab Pelancongan memberikan perhatian kepada saya.	125	3.2	3.2	15.2	52.8	25.6	3.94	.910

Saya sentiasa berusaha memberikan maklum balas berupa pendapat kepada pensyarah yang bersoal jawab tentang Bahasa Arab Pelancongan.	125	1.6	10.4	36.8	37.6	13.6	3.51	.912
Saya sentiasa berusaha untuk memajukan diri dalam subjek Bahasa Arab Pelancongan dengan membuat ulangkaji.	125	2.4	4.8	23.2	47.2	22.4	3.82	.916
Saya mengharapkan keputusan yang cemerlang dalam subjek Bahasa Arab Pelancongan.	125	1.6	3.2	23.2	29.6	42.4	4.08	.964
Saya memperolehi markah yang tinggi dalam subjek Bahasa Arab Pelancongan.	125	3.2	4.0	48.0	24.8	20.0	3.54	.963

*ATS=Amat Tidak Setuju, TS=Tidak Setuju, TP=Tidak Pasti, S=Setuju, SS=Sangat Setuju

Persoalan Kajian

Sebelum kita pergi jauh mendalam kepada menjawab soalan-soalan kajian, elok rasanya kita melihat dahulu kepada kebolehpercayaan instrumen yang kita gunakan dalam menentukan keberkesanan penggunaan modul Bahasa Arab Pelancongan.

Instrumen ini terdiri daripada dua sub-konstruk yang hendak diukur. Sub-konstruk pertama kita mengukur apakah pandangan terhadap Modul Bahasa Arab Pelancongan yang digunakan oleh pelajar di IPT. Sub-konstruk kedua pula kita mengukur sikap dan motivasi peserta terhadap pembelajaran modul Bahasa Arab Pelancongan. Kedua-dua pengukuran kebolehpercayaan ke atas kedua-dua sub-konstruk ini adalah tinggi seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3 berikut:

Jadual 3: Kebolehpercayaan bagi sub-konstruk pengukuran modul Bahasa Arab Pelancongan

Sub-Konstruk	Bilangan Item	Kebolehpercayaan
Pandangan Terhadap Modul Bahasa Arab Pelancongan	20	0.941
Sikap & Motivasi Terhadap Pembelajaran Modul Bahasa Arab Pelancongan	22	0.956

Soalan Kajian 1

Bagaimanakah tahap sikap dan motivasi pelajar pengkhususan Bahasa Arab terhadap modul pengajaran Bahasa Arab pelancongan yang sedia ada di IPTA dan IPTS ?

Jadual 4 menunjukkan tahap sikap dan motivasi yang positif terhadap Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan yang sedia ada di IPT. Skor *mean* sikap pelajar IPT adalah pada 3.19 dan sisihan piawai 0.70. Skor *mean* ini menunjukkan satu skor yang baik pada skala 5 di mana ia terletak di antara skala 3 dan 4 yang menunjukkan sikap positif yang tinggi ke arah bersetuju terhadap Modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan yang sedia ada di pusat pengajian tinggi mereka.

Jadual 4: Tahap Sikap dan Motivasi Terhadap Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan

Sikap dan Motivasi Terhadap Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan	N	Mean	Sisihan Piawai
Tahap Sikap dan Motivasi Terhadap Modul Pengajaran BA Pelancongan	126	3.19	0.701

Skor skala sikap dan motivasi terhadap modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan telah ditransformasikan kepada skala penerimaan Modul Bahasa Arab Pelancongan yang sedia ada di IPT masing-masing. Jadual 5, menjelaskan hampir 90% peserta menunjukkan tahap penerimaan mereka yang tinggi terhadap Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan yang sedia ada di institusi masing-masing.

Jadual 5: Tahap Penerimaan Modul Bahasa Arab Pelancongan Yang Sedia Ada di IPTA/IPTS

Tahap Penerimaan Modul Bahasa Arab Pelancongan Yang Sedia Ada di IPTA/IPTS	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Tidak Menerima	3	2.4
Kurang Menerima	12	9.5
Terima	69	54.8
Amat Menerima	42	33.3
Jumlah	126	100.0

Soalan Kajian 2

Sejauh manakah keberkesanan Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan di IPTA dan IPTS dapat diaplikasi dalam bidang kerjaya di sektor pelancongan ?

Untuk menjawab soalan ini, kita perlu lihat kepada tahap persetujuan peserta terhadap Modul Bahasa Arab Pelancongan. Kalau persetujuannya tinggi, maka andaian kita ialah, ianya akan dapat diaplikasikan dalam bidang kerjaya nanti, tapi ini dari perspektif pelajar sahaja. Jika peserta bersetuju, modul ini dapat diaplikasikan ke dalam bidang kerjaya, maka dengan tidak secara langsung, ianya boleh dianggap berkesan. Jadual 6, menunjukkan skor *mean* peserta tentang pandangan mereka terhadap Modul Bahasa Arab Pelancongan. Skor meannya ialah 3.63 dengan sisihan piawainya bersamaan 0.65. Ini menunjukkan persetujuan mereka yang baik terhadap penggunaan Modul Bahasa Arab dalam bidang kerjaya di sektor pelancongan nanti.

Jadual 6: Keberkesanan Modul Bahasa Arab Pelancongan

	N	Mean	Sisihan Piawai
Pandangan Terhadap Modul Bahasa Arab Pelancongan	126	3.6263	.64745

Keberkesanan penggunaan Modul Bahasa Arab ini dilihat sekali lagi dari aspek persetujuan

peserta tentang aplikasinya nanti dalam bidang kerjaya di sektor pelancongan. Jadual 7, menunjukkan bilangan peserta yang bersetuju tentang kebolehaplikasi Modul Bahasa Arab Pelancongan ini.

Jadual 7: Kekerapan Persetujuan Penggunaan Modul Bahasa Arab

Tahap Aplikasi	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Tidak Boleh Diaplikasi	4	3.2
Mungkin Boleh Diaplikasi	15	11.9
Boleh Diaplikasi	73	57.9
Boleh Diaplikasi Sepenuhnya	34	27.2
Jumlah	126	100.0

Di sini kita dapati 85.1% peserta bersetuju bahawa modul pengajaran Bahasa Arab Pelancongan di IPTA dan IPTS dapat diaplikasi dalam bidang kerjaya di sektor pelancongan. Cuma didapati 3.2% peserta menyatakan ianya tidak boleh diaplikasi manakala, 11.9% responden berasa tidak begitu pasti tentang keberkesanan modul ini untuk diaplikasikan dalam bidang kerjaya di sektor pelancongan.

Soalan Kajian 3

Sejauh manakah perkhidmatan pemandu pelancong di kalangan graduan Bahasa Arab dapat membantu memudahkan rancangan perjalanan pelancongan Arab di Malaysia ?

Untuk menjawab soalan ini, kita perlu lihat kepada instrumen yang telah disediakan. Jawapan bagi Soalan Kajian 1 ini adalah rangkuman kepada kedua-dua sub-konstruk yang disediakan itu, yang terdiri daripada: (i) Pandangan Terhadap Modul Bahasa Arab Pelancongan dan (ii) Sikap & Motivasi Terhadap pembelajaran Modul Bahasa Arab Pelancongan.

Untuk membantu memudahkan rancangan perjalanan pelancong Arab di Malaysia, seseorang itu haruslah mempunyai sikap yang positif terhadap kandungan modul Bahasa Arab itu sendiri di samping berkeyakinan penuh ke atas pembelajaran Modul Bahasa

Arab Pelancongan yang mereka perolehi dari institusi pengajian mereka (seperti di USIM, UiTM dan KUIS).

Jadual 8, menunjukkan tahap perkhidmatan pemandu pelancong di kalangan graduan Bahasa Arab membantu memudahkan rancangan perjalanan pelancong Arab di Malaysia dalam bentuk skor *mean*. Skor yang diperolehi adalah 3.70, yang menunjukkan satu tahap yang baik dalam skala 5. Ini bermakna peserta bersetuju bahawa tahap perkhidmatan pemandu pelancong di kalangan graduan Bahasa Arab membantu memudahkan rancangan perjalanan pelancong Arab di Malaysia.

Jadual 8: Tahap perkhidmatan pemandu pelancong di kalangan graduan Bahasa Arab membantu memudahkan rancangan perjalanan pelancong Arab di Malaysia

Tahap Memudahkan Perjalanan Pelancong Arab di Malaysia	N	Mean	Sisihan Piawai
Pengukuran Tahap Perkhidmatan pemandu pelancong dapat memudahkan rancangan perjalanan pelancong Arab di Malaysia	126	3.6976	.61936

Keadaan ini dapat diperjelaskan lagi dengan mentransformasikan skor pandangan Terhadap Modul Bahasa Arab Pelancongan kepada skala memudahkan perjalanan pelancong Arab di Malaysia. Jadual 9, jelas menunjukkan hampir 90% peserta bersetuju bahawa modul yang dijana oleh IPT dapat memudahkan perjalanan pelancong Arab di Malaysia. Hanya segelintir kecil peserta, iaitu kurang dari 3% peserta menyuarakan bahawa Modul yang dijana oleh pihak IPT tidak dapat memudahkan pelancong Arab di Malaysia.

Jadual 9: Bilangan dan peratusan yang menjelaskan modul dapat memudahkan perjalanan pelancong Arab di Malaysia

Tahap Memudahkan Perjalanan Pelancong Arab di Malaysia	Kekerapan (f)	Peratusan (%)
Tidak Memudahkan Pelancong Arab	3	2.4
Kurang Memudahkan Pelancong Arab	12	9.5

Memudahkan Pelancong Arab	73	57.9
Amat Memudahkan Pelancong Arab	38	30.2
Jumlah Responden	126	100.0

Kesimpulan

Di antara dapatan kajian yang diperolehi setelah analisis sikap dan motivasi dilakukan ialah responden mempunyai sikap positif yang tinggi terhadap Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan yang sedia ada di pusat pengajian tinggi mereka. Terdapat juga persetujuan yang tinggi dalam kalangan responden terhadap keberkesanan penggunaan Modul Pengajaran Bahasa Arab dalam bidang kerjaya di sektor pelancongan. Selain itu, terdapat 85% responden bersetuju tentang kebolehaplikasi Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan dalam bidang kerjaya. Di samping itu, hampir 90% responden menunjukkan tahap penerimaan mereka yang tinggi terhadap Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan yang sedia ada di institusi masing-masing. Sebagai kesimpulan, disarankan agar Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan yang sedia ada di IPT-IPT yang dipilih ini dilengkapi dengan Alat Bantu Mengajar (ABM) seperti CD, kaset dan aplikasi telefon pintar. Selain itu, dicadangkan agar Modul Pengajaran Bahasa Arab Pelancongan ini diletakkan di laman-laman web, blog atau media sosial seperti facebook, twitter, myspace dan sebagainya selari dengan perkembangan teknologi semasa bagi meningkatkan lagi motivasi penutur bukan jati Bahasa Arab untuk menguasainya.

Rujukan

Abdul Rahman, C. (1988). Teaching Arabic For Specific Purposes (ASP) in Malaysia with Reference to Teaching Reading Skills at the International Islamic University. Department of Modern Languages, University of Salford, England.

- Anzaruddin, A. (2004). Bahasa Arab Untuk Tujuan Agama: Kajian Terhadap Sikap Dan Motivasi Golongan Profesional. Fakulti Bahasa Dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Doka, H. M. (2000). Attitudes Of Malay Students Towards Learning Arabic As A Foreign Language. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Kadir, D. (1997). Tourism and cultural development in Malaysia: Issues for a New Agenda. Dlm. Shinji Yamashita, Kadir H. Din & Eades, J.S. (pnyt). Tourism and cultural development in Asia and Ocenia, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Mohd Awang. (1996). Kaedah Pengajaran BA Di Peringkat Sekolah Menengah: Satu Tinjauan Tentang Sikap Dan Amalan Guru-Guru BA Di Sekolah-Sekolah Agama Bantuan Kerajaan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Naji, M. H. I. (1999). Attitudes Of Malay Students Towards Learning Arabic: A Case Study At International Islamic University Malaysia. Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia.
- Noli K., & Zamri, A. (2011). Kursus Bahasa Arab Pelancongan di IPT Malaysia: Kajian di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis, Malaysia. Persidangan Antarabangsa Bahasa Arab Kali Ke-7, IMLA (1): 389-406. Indonesia.
- Sulaiman I., Zainur Rijal, A. R., & Mohd Zohdi, M. A. (2008). Persepsi Pelancong Arab Dan Pihak Penyedia Perkhidmatan Terhadap Penggunaan Bahasa Arab Dalam Penyampaian Maklumat Dan Informasi Di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur. Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai. (Laporan Penyelidikan)
- Zainab, I., Zulkiple, A. G., Badlisham, M. N., Ideris, E., & Abd. Wahab, L. (2008). Pelancongan komitmen agama masyarakat muslim di Pulau Perhentian, Terengganu. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Zalika, A. (2009). Penggunaan bahasa Arab dalam komunikasi pemandu pelancong ke arah memperkenalkan Malaysia. Dipetik dari <http://pkukmweb.ukm.my/solls09/Proceeding/PDF/zalika%20poster%20presentation.pdf>. Dipetik pada 8hb Ogos 2011.

